



12 Julai 2021
12 July 2021
P.U. (A) 302

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 5) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 5) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 5) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021.

Pengecualian

2. (1) Semua surat cara pindah milik bagi pembelian suatu harta kediaman di bawah Kempen Pemilikan Rumah 2021 yang bernilai lebih daripada tiga ratus ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua juta lima ratus ribu ringgit yang disempurnakan oleh seseorang individu, hendaklah dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian duti setem yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah hanya untuk duti setem yang sepatutnya dikenakan bagi satu juta ringgit pertama atau kurang daripada nilai harta kediaman itu dan duti setem sebanyak tiga ringgit hendaklah dikenakan bagi setiap seratus ringgit ke atas amaun baki nilai harta kediaman yang melebihi satu juta ringgit.

(3) Pengecualian duti setem di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai sekiranya—

(a) perjanjian jual beli bagi pembelian harta kediaman itu adalah antara seseorang individu dengan suatu pemaju perumahan;

- (b) harga belian dalam perjanjian jual beli yang disebut dalam subsubperenggan (a) ialah suatu harga selepas suatu diskaun sekurang-kurangnya sebanyak sepuluh peratus daripada harga asal yang ditawarkan oleh pemaju perumahan itu kecuali bagi suatu harta kediaman yang tertakluk kepada harga terkawal; dan
- (c) perjanjian jual beli bagi pembelian harta kediaman itu disempurnakan pada atau selepas 1 Jun 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021 dan disetamkan di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

(4) Bagi maksud subperenggan (1), nilai harta kediaman itu hendaklah berdasarkan nilai pasaran.

(5) Suatu Perakuan Kempen Pemilikan Rumah 2021 yang dikeluarkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDADA) atau Persatuan Pemaju Perumahan dan Harta Tanah Sarawak (SHEDADA) hendaklah dikemukakan oleh individu yang berkenaan kepada mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan mendapatkan pengecualian di bawah subperenggan (1).

(6) Dalam perenggan ini—

- (a) “harta kediaman” ertinya suatu rumah, suatu unit kondominium, suatu pangsapuri atau suatu rumah pangsa, yang dibeli atau diperoleh semata-mata untuk digunakan sebagai suatu rumah kediaman, dan termasuk suatu pangsapuri perkhidmatan dan pejabat kecil pejabat rumah (SOHO) yang baginya pemaju perumahan itu telah mendapat kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978,